

## KPDNHEP tumpas kegiatan seleweng diesel



Ahmad Ahrazzuddin memeriksa tangki fiber berisi minyak diesel yang dipindahkan dari lori tangki ketika serbuan di Jalan Juru, di Bukit Mertajam, semalam.

**Bukit Mertajam:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) daerah ini menumpaskan kegiatan penyelewengan diesel dalam serbuan di sebuah premis tidak bernombor dekat Jalan Juru, di sini, semalam.

Berdasarkan hasil risikan dan intipan selama dua minggu, pasukan penguat kuasa melakukan pemeriksaan di premis berkenaan, kira-kira jam 5 pagi apabila mendapati beberapa individu sedang mengeluarkan diesel dari sebuah lori tangki untuk dipindahkan ke lori tangki lain.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Daerah Seberang Perai Tengah, Ahmad Ahrazzuddin Ahmad Hamdan, berkata berda-

sarkan dokumen yang diperoleh di tempat kejadian, lori berkenaan sepatutnya menghantar diesel ke tempat lain tetapi ia tidak sampai ke destinasi yang sepatutnya.

"Siasatan mendapati modus operandinya adalah diesel akan diisi di depo minyak dan dihantar ke tempat sepatutnya seperti maklumat yang terdapat dalam dokumen penghantaran atau pesanan.

"Bagaimanapun, lori tangki berkenaan menukar destinasi selepas menerima arahan daripada syarikat yang membuat pembelian," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Berikutan itu, katanya, pihak KPDNHEP daerah menyita sebuah lori tangki, dua unit pam,

sebuah tangki fiber dan 21,840 liter diesel yang hendak diseleweng untuk stiasatan lanjut.

"Semua nilai rampasan keseluruhan dianggarkan berjumlah hampir RM113,000 dan kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.

Ahmad Ahrazzuddin berkata, KPDNHEP memandang serius terhadap aktiviti penyelewengan minyak diesel dan akan mempergiatkan usaha bagi membanteras kegiatan yang membabitkan barangan kawalan yang disubsidkan kerajaan.

"Orang awam diminta terus menyalurkan maklumat sekiranya mengetahui kegiatan seumpama ini untuk tindakan selanjutnya," katanya.